



NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 ( 18 )

Tarikh : 10 Julai 2019

### KEPADА SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

### PEKELILING MQA BIL. 7/2019

### PENGGUNAAN EDISI TERKINI STANDARD PROGRAM: HOSPITALITI DAN PELANCONGAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan (Programme Standards: Hospitality and Tourism) telah dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, Mqa) pada tahun 2012. Penggunaan standard program tersebut telah dikuatkuasakan menerusi Pekeliling Mqa Bil. 3/2012 bertarikh 05 Julai 2012.
3. Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan telah dibangunkan dengan kerjasama panel pembangunan standard program yang terdiri daripada ahli akademik dan industri. Ia telah menjadi rujukan utama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran dan jaminan kualiti program pengajian di Malaysia.
4. Bagi memastikan standard program tersebut kekal relevan, Mqa telah melaksanakan kajian semula terhadap edisi sedia ada. Berdasarkan input yang diterima daripada pihak berkepentingan, kandungan dokumen telah ditambah baik selaras dengan perkembangan semasa bidang pengajian pada peringkat nasional dan antarabangsa.
5. Kajian semula ini adalah berpandukan kepada tujuh bidang penilaian jaminan kualiti dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) Edisi Kedua serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) Edisi Kedua. Selain daripada itu, kajian semula standard program ini turut mengambil kira elemen Technical and Vocational Education and Training (TVET) bagi memastikan kebolehpasaran graduan yang menepati keperluan dan kehendak industri. Ia menggariskan standard minimum pelbagai keperluan, khusus bagi program Hospitaliti dan Pelancongan.

MEMO DEKAN	
SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH	
Kepada:	<i>Prof Zaleha / Prof</i>
Untuk tindakan	
Diluluskan untuk tindakan seterusnya	
Sila bincang	
Sila hadir	
Sila edarkan/hebahkan	
Bincang dalam Mesy	
Pengurusan	
Untuk makluman	
Sila failkam	
Tidak Berkaitan	
Catatan :	
Sekian, terima kasih. <i>MDP</i>	
Tandatangan :	
<i>[Signature]</i>	
Tarikh:	

6. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program Hospitaliti dan Pelancongan adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard program yang lebih khusus atau dengan syarat terdahulu yang ditetapkan oleh MQA atau Kementerian Pendidikan Malaysia, maka standard yang lebih tinggi adalah terpakai.

7. Standard program ini perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF Edisi Kedua, COPPA Edisi Kedua, Kod Amalan Audit Institusi (Code of Practice for Institutional Audit, COPIA) serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Namun demikian, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

8. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
i.	01 Ogos 2019 sehingga 31 Julai 2020	<p>Tempoh transisi bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> untuk mematuhi standard program.</p> <p>Nota: Kohort pelajar yang diambil <u>selepas tempoh transisi</u> tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu.</p> <p>Kohort pelajar yang telah berada dalam sistem, boleh mengguna pakai kurikulum sebelum ketetapan baharu terpakai seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu kepada kohort pelajar sedia ada jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</p>
ii.	01 Februari 2020	Pengambilan pelajar bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
iii.	01 Februari 2020	Semua <b>program baharu yang memohon Akreditasi Sementara</b> perlu mematuhi standard program.

9. Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)  
E-mel: [rahmah@mqa.gov.my](mailto:rahmah@mqa.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. SUSK YB Menteri Pendidikan  
Pejabat Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
5. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
6. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**
7. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 4, Bangunan Canselori  
Universiti Malaysia Terengganu  
**21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**

8. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
  
9. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia  
**43400 SERDANG, SELANGOR**
  
10. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University,  
VCCPU)  
Pejabat Presiden  
Universiti Multimedia  
Persiaran Multimedia  
**63100 CYBERJAYA, SELANGOR**